

Gaji minimum RM1,000

Oleh FAUZI JAFAR dan S. ANAND KUMAR

UM-18/4/2007.

KUALA LUMPUR 17 April - Ahli-ahli Parlimen hari ini mengemukakan cadangan supaya gaji minimum kakitangan awam peringkat rendah ditetapkan RM1,000 sebulan.

Perkara itu dikemukakan **Datuk Badrudin Amirulddin (BN-Jerai)** yang percaya bahawa kenaikan gaji kakitangan awam membolehkan mereka lebih menumpukan kepada tugas masing-masing.

Beliau percaya gaji minimum itu akan mendorong kakitangan kerajaan menunaikan tugas dengan lebih baik serta mengelakkan kakitangan kerajaan yang berpencen mendapat ganjaran di bawah paras kemiskinan.

"Kita minimumkan gaji bulanan sekurang-kurangnya RM1,000. Pencen minimum RM1,000. Itu untuk hidup.

"Sebab itu bila gaji kakitangan awam sempurna, hidup mereka sempurna dan mereka akan kerja dengan penuh kesempurnaan.

"Apabila hasrat kerajaan tidak sampai, ahli Parlimen yang kena. Kita mahu kakitangan kerajaan dengan kita (ahli Parlimen) seperti abang dengan adik.

"Saya sokong kenaikan gaji kakitangan. Saya tahu mereka ini bila sampai ke pejabat kena bayar tol yang banyak," katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2006) 2007 hari ini.

Ahli Parlimen pembangkang, **Datuk Abdul Halim Abdul Rahman (Pas-Pengkalan Chepa)** turut setuju dengan gaji minimum kakitangan awam.

Datuk Idris Haron (BN-Tangga Batu) pula ketika ditemui di luar dewan berpendapat gaji minimum yang lebih tinggi daripada sekarang akan membolehkan kakitangan awam menjalankan tugas dengan lebih cepak.

"Ini juga akan memberi peluang untuk mereka menyelesaikan beberapa masalah sosial seperti mengelakkan hutang daripada Ah Long dan sebagainya," kata beliau.